

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,  
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,  
20200 KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU.**

---

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU

BILANGAN 4/1988

DASAR PERMOHONAN LESEN TUMPANGAN SEMENTARA BAGI TANAMAN KONTAN.

Arahan ini dikeluarkan bertujuan menarik perhatian Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah mengenai Pelaksanaan Pemerosesan Permohonan Lesen Tumpangan Sementara Khas selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bermesyuarat pada 7 Mac 1988 Kertas Mesyuarat Bil. 252/88.

2. Pengenalan Butiran

Dengan adanya keputusan berkenaan, Warta Kerajaan Negeri 329/75 telah ditambah butiran pengecualian bagi menerima dan memproses permohonan-permohonan tanah. Tambahan butiran ini akan dikenali dengan :

- (xi) Permohonan Lesen Tumpangan Sementara bagi tanaman kontan.

3. Jenis Tanaman

Tanaman kontan yang dimaksudkan oleh pengecualian ini hanyalah tanaman jagung, ubi, keladi, kacang, sayur, nanas, halia, betik, tembakau, bawang, lada, tembikai dan termasuk ternakan air dan haiwan serta tanam-tanaman yang akan ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Tanaman-tanaman seperti pisang, tebu, markisa dan asparagus tidak boleh ditimbangakan.

4. Bayaran

Bayaran lesen yang minima ialah \$10.00 sehektar atau sebahagian daripadanya. Perlu dinyatakan bahawa Pentadbir Tanah Daerah tidak digalakan mengenakan bayaran dengan kadar \$10.00 sahaja tanpa mengambilkira faktor keadaan tanah dan lokasinya. Jadi penekanan budi bicara Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah penting diberi perhatian.

5. Keluasan Tanah

Permohonan daripada individu hanya dibenarkan tidak melebihi 1 hektar sahaja. Sementara untuk persatuan, pertubuhan dan sebagainya dibenarkan tidak melebihi 4 hektar. Permohonan melebihi keluasan tersebut perlu diangkat kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Negeri.

6. Kelayakan Pemohon

- (i) Umur pemohon adalah tidak kurang dari 18 tahun
- (ii) Belum memiliki tanah yang boleh ditanam dengan tanaman kontan.
- (iii) Pemohon adalah anak anak mukim atau tinggal berdekatan dengan jarak yang difikirkan munasabah oleh Pentadbir Tanah Daerah.
- (iv) Satu permohonan sahaja dibenarkan bagi suami/isteri.
- (v) Berkeupayaan untuk mengusahakan tanah tersebut.

7. Permohonan Kekal

Tanah yang diluluskan di bawah dasar ini tidak akan dipertimbangkan untuk ditukar kepada permohonan kekal walaupun tempoh memiliki lesen tumpangan sementara di bawah dasar ini melebihi dari 3 tahun.

8. Kuasa Melulus

Kuasa melulus adalah sebagaimana Perwakilan Kuasa-kuasa yang disiarkan melalui Warta Negeri Terengganu Tr . P . U . 16 bertarikh 13 mac 1986.

9. Laporan

Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah dikehendaki menyediakan laporan bulanan mengenai kemajuan pemerosesan permohonan di bawah dasar ini kepada Bahagian Komputer pejabat ini. Contoh laporan adalah sebagaimana lampiran A berkembar.

10. Borang Permohonan

Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Lesen Tumpangan Sementara (PTGT 01/87) dan bagi kes sambungan menggunakan Borang Sambungan Lesen Tumpangan Sementara (PTGT 02/87) di dalam 3 salinan ;

- 1 salinan di simpan dalam fail.
- 1 salinan di hantar ke Bahagian Komputer PTG.
- 1 salinan untuk diedarkan kepada Pegawai Petempatan.

11. Cap 'TIDAK BOLEH DIPOHON SURATAN HAKMILIK'

Semua lesen yang diluluskan hendaklah dicap dengan perkataan yang berhubung dengan Lesen Tumpangan Sementara hendaklah dikemaskini dan dijaga agar lengkap dan mempunyai maklumat semasa.

13. Tatacara

Bersama-sama ini disertakan langkah-langkah utama bagi memproses Lesen Tumpangan Sementara di bawah dasar ini, dan ianya boleh dijadikan panduan setakat mana yang sesuai dan tidak bercanggah dengan ketetapan di atas.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t,

(DATO' BENTARA LUAR)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU.

EDARAN

1. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri.
2. YB. Pegawai Kewangan Negeri.
3. YB. Penasihat Undang-undang Negeri.
4. Ketua Pengarah Tanah dan Galian.
5. Ketua Odit Negeri, Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
7. Pentadbir Tanah Daerah, Besut.
8. Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
9. Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
10. Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
11. Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
12. Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.
13. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri.

SALINAN

1. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran).
2. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Settlement).
3. Pengurus Komputer PTG Terengganu.
4. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Am).
5. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Penguatkuasa).
6. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Latihan).
7. Penolong Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran).
8. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
9. Ketua Penolong pentadbir Tanah Daerah, Besut.
10. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
11. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
12. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
13. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
14. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.
15. Penolong Setiausaha Kerajaan (Pertanian).

Fa: PTG . TR . 00/01/1987/0008

s.k. PTG . TR . G/05/1988/06/01